

Abdullah rasmi kapal Seri Endon

GELANG PATAH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, merasmikan kapal kawalan tumpahan minyak milik syarikat Kejuruteraan Asas Jaya (KAJ) Sdn Bhd, yang diberi nama Seri'Endon.

Abdullah dalam ucapannya pada majlis itu berkata, negara masih kekurangan syarikat swasta yang menyediakan kemudahan dan peralatan mengawal tumpahan minyak sedangkan ia amat perlu terutama di perairan Selat Melaka.

"Saya difahamkan, syarikat ini adalah pihak swasta pertama yang mengambil inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan pembersihan tumpahan minyak di negara ini," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan sehari ke Johor, merasmikan dan menamakan kapal Seri Endon bernilai RM6.9 juta itu di pangkalan Kompleks Jabatan Laut Wilayah Selatan, di Tanjung Kupang.

Hadir sama, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Ali Hassan; Setiausaha Kerajaan negeri, Datin Paduka Norsiah Haron dan Pengarah Urusan K A J Sdn Bhd, Datuk Yahya A Hamid.

Abdullah berkata, kawasan perairan Johor misalnya, memerlukan kapal kawalan tumpahan minyak kerana berada di kawasan perairan Selat Melaka dan banyak aktiviti perkapalan seperti mengisi minyak dan sebagainya.

"Saya berharap Jabatan Alam Sekitar (JAS), polis Marin dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dapat bekerjasama dalam memastikan tumpahan minyak dapat dibersihkan secepat mungkin," katanya.

Sementara itu, ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai, pada kira-kira jam 9.30 pagi semalam disambut kira-kira 5,000 orang yang berkumpul di perkarangan tempat letak kereta lapangan terbang itu.

Selain Abdul Ghani, turut menyambut ketibaan Abdullah ialah barisan menteri Kabinet dari Johor, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Johor.

Orang ramai yang menyambut Perdana Menteri turut membawa pelbagai sepanduk menyatakan sokongan mereka kepada Abdullah seperti 'Teruskan Perjuangan Mu, Pak Lah', 'Umno Pulai Menentang Sebarang Bentuk Gangguan Ke Atas Pimpinan Pak Lah' dan 'Kami Tetap Menyokong Kepimpinan Pak Lah'.



NAMAMU TERUS TERPAHAT: Abdullah diatas kapal Seri Endon bersama Abdul Ghani (empat dari Kiri) dan Yahya (kiri) selepas merasmikan dan menamakan kapal itu di pangkalan Kompleks Jabatan Laut Wilayah Selatan, di Tanjung Kupang sempena lawatan sehari ke Johor, semalam.